

## KEFAHAMAN DAN AMALAN KEPENGGUNAAN HIJAU DI KALANGAN PENGGUNA SABAH DAN PERANAN KOMUNIKASI

Mohd Hamdan Adnan, JP  
Diana Demiyah Hamdan

### Abstrak

*Dunia kini kian diancam oleh masalah alam sekitar yang semakin teruk yang sebahagian besarnya dikaitkan dengan penggunaan berlebihan manusia. Padah penggunaan berlebihan yang tidak mesra alam dikatakan telah mengakibatkan iklim menjadi tidak menentu, suhu bumi meningkat dan mutu alam sekitar terus merosot. Hampir kesemua negara terpaksa mengambil tindakan untuk menyelesaikan isu ini yang termasuk penubuhan badan global dan perjanjian-perjanjian antarabangsa. Setiap negara digalakkan untuk mengamalkan pembangunan lestari dan mengadakan program pendidikan pengguna. Malaysia turut terlibat dalam perjanjian dan tindakan menyelamatkan bumi dari ancaman kemusnahan alam sekitar serta meningkatkan usaha pendidikan pengguna. Rakyat di galak mengamalkan gaya hidup lestari atau mesra alam atau penggunaan hijau. Tinjauan ini adalah mengenai tahap kefahaman pengguna di Sabah terhadap penggunaan mesra alam dan amalan mereka. Kaedah yang digunakan ialah tinjauan pendapat dan responden dipilih secara rambang di seluruh negeri Sabah. Seramai 500 responden dari berbagai-bagai kaum, tahap pendidikan dan kawasan telah ditemu duga secara bersemuka menggunakan borang soal selidik oleh 74 pelajar Program Komunikasi Tahun Ketiga 2016/2017 Universiti Malaysia Sabah pada awal tahun 2017. Penemuan menunjukkan bahawa tahap kefahaman dan amalan pengguna di Sabah terhadap kepenggunaan hijau adalah sederhana. Namun begitu, hampir kesemua responden mengakui bahawa pengamalan penggunaan hijau adalah wajib bagi memelihara bumi supaya terus lestari. Kajian menggalakkan lebih banyak kempen diadakan untuk meningkatkan tahap pengetahuan, kefahaman dan pengamalan di kalangan pengguna Sabah.*

**Kata Kunci:** Alam Sekitar, Gaya Hidup, Kepenggunaan Hijau, Pembangunan Lestari, Pencemaran, Pengguna dan Pendidikan.

### **Abstract**

*Over consumption and lack of consumer education has been identified as one of the main reasons for environmental degradation causing global warming and climatic changes putting our future to great risk. This study is to determine the understanding and practice of green consumerism among consumers in Sabah, Malaysia. It is believe that practicing green consumerism is one of the significant ways to save our environment from destruction. This study was conducted by 74 Final Year Communication Students, Universiti Malaysia Sabah during early 2017. A research survey method selecting 500 respondents randomly in Sabah through prepared questionnaires and face-to-face interviews was used. The finding showed that the understanding and practice of green consumerism among consumers in Sabah is just average and there are great needs for consumer educations and facilities promoting sustainable lifestyle. This study suggests that all parties should be involved in green consumerism education and practices. It include that government should formulate and implement more environment friendly policies, business communities to conduct their activities and produce products that are green in nature and consumers to practice green consumerism.*

**Key Words:** Consumer education, environment, green consumerism, life style, sustainable development, pollution,

## Pengenalan

Bumi kini kian diancam oleh perubahan iklim yang kian tidak menentu dan suhu dunia yang semakin panas. Masalah ini yang dilabel selaku kepanasan sejagat dikatakan sebahagian besarnya disebabkan oleh penggunaan berlebihan oleh manusia, terutama barangan yang bersifat musuh alam sekitar atau bukan mesra alam. Maka di peringkat global wujud beberapa tindakan untuk menyelamatkan bumi daripada terus dilanda oleh pencemaran alam sekitar dan iklim tidak menentu serta peningkatan suhu bumi.

Pembangunan pesat kini telah mengakibatkan masalah kemerosotan kualiti alam sekitar seiring dengan peningkatan penggunaan produk dan pelbagai barangan lain kesan daripada peningkatan pendapatan, kemajuan teknologi dan juga pertambahan penduduk. Padahal, isu alam sekitar kini merupakan masalah kesihatan, sosial dan ekonomi yang sering melanda masyarakat bermula dengan pencemaran persekitaran sehinggalah kepada kerosakan flora dan fauna serta kewujudan manusia sendiri. Maka, adalah sangat penting untuk meningkatkan pengetahuan mengenai penjagaan alam sekitar dalam mencapai matlamat konsep lestari hijau seperti yang dinyatakan dalam Dasar Pengguna Negara Malaysia (DPNM). Iaitu:

***Meningkatkan amalan penggunaan lestari dalam mengurus sumber-sumber yang terhad untuk menjamin kesejahteraan ekonomi dan sosial. Penggunaan lestari menggalakkan berbelanja dengan berhemat, menggunakan sumber semula jadi dan kemudahan asas seperti air dan tenaga dengan berhemat, serta memelihara kesejahteraan dan kebajikan pengguna generasi semasa dan generasi akan datang.***

Kepenggunaan hijau merujuk kepada ungkapan '*kian sedikit mengguna semakin baik*' yang mana organisasi penghasil produk dan servis berusaha mengurangkan penciptaan dan penggunaan produk yang membahayakan alam sekitar yang termasuk dalam proses pembuatan dan pembuangan hasil serta perkhidmatan. Tumpuan utama kepenggunaan hijau ialah penghasilan dan penggunaan produk yang mementingkan pemeliharaan persekitaran, kesaksamaan ekonomi dan juga sosial. Selain itu, kepenggunaan hijau juga merupakan amalan gaya hidup mampan yang berkait rapat dengan keselamatan dan kelestarian bumi.

Jelas, kepenggunaan hijau adalah berkaitan rapat dengan amalan pembangunan lestari serta perlakuan pengguna mampan. Iaitu, amalan penggunaan yang bertujuan untuk menyelamatkan, memelihara dan memulihara alam sekitar bagi generasi kini dan masa depan dengan menjadi pengguna mesra alam. Gaya hidup pengguna yang dituntut ialah kurangkan kegunaan, guna semula, kitar semula serta pulaukan amalan, servis dan produk musuh alam.

Dikatakan bahawa amalan penggunaan hijau mula mendapat tempat dalam masyarakat Barat bermula dekad 1960an. Iaitu, akibat terjadinya pencemaran kritikal yang mampu memudaratkan kesihatan kerana tahap pencemaran alam sekitar yang kian teruk serta beberapa malapetaka semula jadi dan buatan manusia berlaku yang meragut banyak nyawa manusia serta makhluk lain yang sebilangan besar jumlahnya sabah hari kian pupus. Kejadian ini termasuklah kemalangan di Bhopal, Chernobyl dan kapal Exxon Valdez. Masalah ini kian rumit dengan perkembangan pesat ekonomi yang berterusan serta peningkatan penduduk dunia yang terus mendadak. Di Amerika Syarikat dalam dekad 1980an mula muncul jenama hijau yang merebak dalam pasaran negara berkenaan. Semasa dekad 1990an barangan hijau terus berkembang walaupun tidak pesat. Namun begitu,

dalam awal abad 21 minat terhadap barangan hijau dan amalan kehidupan kepenggunaan mesra alam kian meningkat walaupun keadaan ekonomi dunia adalah lembap.

Lazimnya, amalan kepenggunaan hijau lebih dikaitkan dengan para pengguna negara maju. Pengguna di negara membangun resminya amalan penggunaan hijau adalah dikaitkan dengan kelas pertengahan dan atasan yang ada wang untuk membeli produk mesra alam. Bagi pengguna pendapatan sederhana dan rendah mereka lazimnya tidak mampu mengamalkan kepenggunaan hijau bukan sahaja kerana kosnya dianggap tinggi tetapi juga dari segi pendidikan dan pendedahan. Ini kerana lumrahnya tabii pengguna hijau dikaitkan dengan tindakan beretika perseorangan bukan sahaja dari segi keperluan peribadi tetapi juga memastikan kepentingan masyarakat dan alam sekitar secara menyeluruh terpelihara. Pula, pengguna hijau adalah lebih cermat dan jimat dalam menggunakan pemilikannya seperti tidak membazirkan servis dan sumber yang dimiliki.

Tiga ciri utama pengguna hijau ialah: 1. Memilih dan mengguna produk dan servis yang memberi impak negatif minimum terhadap alam sekitar; 2. Mengguna produk organik yang proses penghasilannya menjimatkan tenaga dan bukan melalui kitar semula serta memberi kesan negatif tersedikit terhadap persekitaran jika tidak memberi impak positif, dan 3. Berjuang bagi memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Tinjauan tabii pengguna *Eurobardmeter* (2013) menunjukkan bahawa pengguna sebenarnya tidak sepenuhnya sedar mengenai kepentingan untuk mengamalkan tabii mesra alam. Laporan ini mendapati seramai 80% responden mengaku membeli produk hijau. Pula, daripada 80% ini hanya seramai 26% adalah pembeli tetap barangan dan perkhidmatan mesra alam dan 54% membelinya sekali-sekala. Baki 20% responden langsung tidak memikirkan mengenai kepentingan membeli barangan dan perkhidmatan yang bersifat mesra alam. Ini akibat beberapa batasan sosial dan ekonomi. Iaitu, seperti produk hijau amnya lebih mahal, sukar memperolehnya dan penjual barangan mesra alam tidak ramai dan terbatas.

Beberapa kajian merumuskan bahawa nilai peribadi adalah penentu kuat membentuk tabii mesra alam dan dikemukakan dua kategori pengguna: 1. Pengguna pencegah yang merasakan bahawa adalah tanggungjawab mereka untuk mengamalkan gaya hidup mesra alam dan 2. Pengguna promosi yang lebih menumpu kepada aspirasi dan impian mereka dan tidak merasa terdesak untuk cepat mengamalkan penggunaan hijau.

Seterusnya, ada beberapa kajian lagi yang mendapati wujudnya pengaruh jantina dan identiti sosial terhadap penggunaan hijau. Iaitu, kaum wanita amnya lebih ramai mengaku bahawa mereka mengamalkan penggunaan hijau berbanding lelaki. Bagaimanapun, apabila faktor identiti sosial menjadi ketara jumlah kaum lelaki mengaku mengamalkan penggunaan hijau meningkat sehingga setahap pihak wanita. Namun begitu, rumusannya ialah bagi lelaki pengamalan penggunaan hijau adalah satu cara untuk memperkukuhkan imej sosial mereka. Bagi wanita, penggunaan mampan adalah semula jadi perlu.

Rumusannya, ialah pengguna hijau resminya adalah sebilangan besarnya kaum wanita yang berusia di antara 30 ke 44 tahun, berpendidikan tinggi dan memiliki pendapatan isi rumah tahunan yang lumayan. Lazimnya, mereka dipengaruhi oleh anak-anak mereka untuk menjadi mesra alam. Dalam kajian ini dua kategori pengguna dikenal pasti, iaitu: 1. Nilai mengatasi diri, seperti wanita yang lebih bersedia untuk mengamalkan penggunaan lestari dan 2. Nilai meningkat diri, seperti lelaki yang kurang berminat terhadap pengamalan pengguna hijau.

Kajian mengenai pengguna hijau mendapati bahawa: 1. Mereka ikhlas mengamalkan penggunaan hijau dengan kecenderungan akan meningkatkan lagi amalan mesra alam; 2. Merasakan amalan hijau mereka belum lagi memadai; dan 3. Menyokong syarikat yang dianggap bersungguh-sungguh mengamalkan penggunaan mesra alam dalam menghasilkan produk hijau. Sebaliknya, mereka didapati 1. Cenderung untuk membesar-besarkan amalan kepenggunaan hijau yang termasuk penggunaan produk mesra alam; 2. Mahukan perlindungan pengguna mudah diamalkan dan tidak melibatkan banyak pengorbanan; 3.

Sukar mempercayai tuntutan amalan mesra alam syarikat kecuali telah disahkan oleh badan bebas atau pihak berkuasa yang diyakini; 4. Kurang pengetahuan mengenai isu-isu alam sekitar dan tidak yakin untuk menilai impaknya berdasarkan maklumat saintifik yang ada dan 5. Cenderung untuk melibatkan diri dalam pendidikan alam sekitar.

Setakat ini pengguna hijau dibahagikan kepada tiga kategori: 1. Pengguna Bertabiat Hijau –hanya menggunakan produk dan servis yang mesra alam; 2. Pengguna Berfikiran Hijau – mengutamakan produk dan servis mesra alam seberapa boleh dan 3. Pengguna Berpotensi Hijau – akan mengutamakan produk dan servis mesra alam bila mudah mengamalkannya. Juga, wujud pengguna yang dilabel selaku Pengguna Tulen Coklat. Iaitu, pengguna yang langsung tidak kisah mengenai isu alam sekitar dan boleh sehingga menjauhi syarikat pengeluar produk mesra alam.

Dalam negara kita, tahap pemahaman dan amalan penggunaan hijau masih belum berkembang atau paling tinggi di peringkat sederhana sahaja. Beberapa kajian sebelum ini menunjukkan tahap kesedaran penjagaan alam sekitar dalam kalangan masyarakat belum lagi mencapai tahap yang boleh dibanggakan berbanding dengan negara maju yang lain seperti Jepun, Jerman, Denmark dan sebagainya.

Oleh itu, kempen untuk meningkatkan kesedaran dan amalan kepenggunaan hijau perlu ditingkatkan lagi agar masyarakat sentiasa terdedah dengan pengetahuan mengenai konsep kepenggunaan hijau khususnya di negeri Sabah. Ini adalah demi menjaga keseimbangan antara aspek persekitaran, ekonomi dan sosial di dalam kehidupan seharian kita bersama. Selari dengan hasrat untuk mencapai konsep lestari hijau, kegiatan pengeluaran dan amalan dalam menggunakan sebanyak mungkin produk mesra alam amatlah digalakkan agar pembangunan lestari hijau terus dikekalkan supaya dapat dinikmati oleh generasi depan.

### **Lokasi Kajian**

Kajian ini mengkaji tahap kefahaman dan amalan kepenggunaan hijau di kalangan pengguna di Sabah. Keseluruhannya, keluasan Negeri Sabah ialah 73,620 km persegi yang bersamaan 7.362 juta hektar dengan jumlah penduduk pada tahun 2015 seramai 3,543,500 orang. Sabah terbahagi kepada lima bahagian besar iaitu Sandakan, Tawau, Pantai Barat, Kudat dan Pedalaman dan merupakan tumpuan pelancongan utama di Malaysia. Hal ini kerana persekitaran Sabah penuh dengan keindahan alam flora dan fauna.

Seerti diperkatakan, fokus pengkaji dalam kajian ialah kesedaran dan amalan pengguna Sabah dalam menggunakan produk dan servis mesra alam. Jikalau pengguna memikirkan kesan sampingan produk yang dipakai terhadap alam sekeliling maka, sudah pasti pengguna akan lebih berhati-hati. Setiap produk yang memiliki kandungan bahan kimia memiliki potensi untuk mencemarkan alam sekitar. Sebagai contoh, pekerjaan sebagai petani sama ada pekebun kecil atau peladang di ladang besar ada yang menggunakan racun sebagai jalan mudah untuk menghapuskan serangga perosak serta tumbuhan liar.

Mohd Hamdan Adnan (2000) memetik McNeal dan McDaniel (1982) menegaskan bahawa kepenggunaan hijau adalah satu pergerakan sosial yang berkaitan dengan tingkah laku pengguna yang mesra alam. Umumnya, kepenggunaan hijau ialah suatu bentuk pergerakan pengguna dalam usaha menggunakan produk dan servis yang tidak memudaratkan alam sekitar. Iaitu, sejajar dengan suatu daripada hak penting pengguna untuk mendapatkan alam sekitar yang selamat dan bersih. Maka, pengguna berhak diberitahu atau dimaklumkan secara terperinci berkenaan produk dan servis bagi menjamin keselamatan manusia secepat dan alam sekitar.

Menurut Mohd. Hamdan Adnan (1994, halaman 135) mentafsirkan bahawa kepenggunaan hijau ialah tindakan pengguna melalui kuasa perbelanjaan enggan membeli keluaran atau perkhidmatan yang bukan mesra alam serta tidak menyokong syarikat-syarikat yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan yang mencemarkan atau memusnahkan

alam sekitar. Melalui tindakan sedemikian pergerakan pengguna dan pencinta alam yakin akan dapat mempengaruhi setiap industri supaya lebih mempertimbangkan kesan kegiatan mereka terhadap kesejahteraan alam sekitar.

Seterusnya, kepenggunaan hijau ialah usaha menanam dan memupuk semangat cintakan alam sekitar serta berani bertindak untuk melindungi, menyelamatkan dan pemuliharaannya. Maka, kepenggunaan hijau turut ditakrifkan sebagai pencetus dan pemupuk budaya mesra alam atau penggunaan hijau. Pula, pengguna hijau atau mesra alam ialah pembeli yang memastikan setiap produk atau servis yang dibeli dan digunakan tidak mengandungi bahan-bahan yang memudaratkan alam sekitar. Termasuk dipertimbangkan ialah bahan produk itu bukan di tahap yang hampir pupus dan mesra alam, proses pembuatannya dan pembungkusannya selamat bagi alam sekitar serta pembuangannya tidak membahayakan persekitarannya. Di kebanyakan negara maju, keluaran dan perkhidmatan mesra alam akan memiliki pelekat hijau atau pelabelan selamat untuk alam sekitar ataupun pelabelan eko.

Pengguna hijau resminya menjauhi bahan plastik kerana ia tidak mesra alam. Tindakan untuk "mendidik" syarikat atau peniaga tidak mesra alam ialah dengan tidak membeli keluaran atau perkhidmatannya. Kebangkitan kepenggunaan hijau turut menggerunkan para peniaga yang tidak mesra alam. Maka, jumlah peniaga atau syarikat yang memberi pertimbangan khusus pada kesejahteraan alam sekitar kian meningkat.

Bagi mengamalkan penggunaan hijau, pengguna harus mampu membezakan produk dan servis musuh alam dan yang mesra alam. Di antara ciri produk dan servis musuh alam ialah seperti berikut:

- Mengakibatkan pencemaran atau pemusnahan alam sekitar yang melampau semasa pembuatan, penggunaan atau pembuangan.
- Menggunakan bahan tenaga yang banyak semasa pembuatan, penggunaan, atau pembuangan.
- Menyebabkan pembaziran berlebihan, sama ada kerana pembungkusan melampau atau kerana tempoh kegunaan yang amat singkat.
- Menggunakan bahan atau bahan-bahan daripada spesies yang semakin pupus atau daripada alam sekitar yang terancam.
- Melibatkan penggunaan haiwan sama ada bagi pengujian keracunan atau tujuan - tujuan lain.
- Mengakibatkan kesan buruk bagi pengguna negara lain.

Barangan yang mesra alam pula ialah:

- Pembuatan, penggunaan, dan pembuangannya tidak merosakkan alam sekitar secara berterusan.
- Barangan dan bungkusan diperbuat daripada bahan - bahan mentah yang banyak dan mudah membiak kembali.
- Pembuatannya menggunakan kadar tenaga yang sederhana.
- Sisa - sisa pembuatannya tidak membahayakan alam sekitar atau kehidupan lain.
- Keluaran sampingannya boleh digunakan semula (Mohd Hamdan Adnan, 1994, hal. 137)

### **Permasalahan Kajian**

Kesedaran dan amalan kepenggunaan hijau merupakan salah satu isu yang sering dikaitkan dengan sikap pengguna. Pengguna dilihat hanya ingin membeli sesuatu produk dan merasai sesuatu perkhidmatan tanpa mengambil kira tentang keselamatan dan kesannya ke atas tubuh badan atau pun persekitaran. Kepentingan yang diambil kira oleh kebanyakan pengguna ialah kepuasan dan kualiti di sebalik pembelian atau perkhidmatan.

Masalah kekurangan penerapan amalan kepenggunaan hijau dalam kalangan pengguna salah satunya ialah berhadapan dengan pelbagai penyakit yang berbahaya.



Sebagai contoh, penggunaan plastik yang berleluasa dalam pembungkusan makanan pada masa kini dan para pengguna dilihat langsung tidak memikirkan kesan pengambilan makanan yang telah terdedah kepada bahan plastik ini.

Kini, di antara bahan yang paling banyak dan selalu digunakan oleh manusia dalam kehidupan seharian mereka adalah barang yang diperbuat daripada plastik. Lihat sendiri perkakas di dalam rumah, bermula daripada dapur, bilik air hinggalah ke kawasan ruang tamu dan halaman di luar rumah, hampir kebanyakannya dihasilkan daripada plastik kerana ia adalah bahan yang murah lagi mudah digunakan. Namun, di sebalik dua keistimewaan plastik itu, tersembunyi ancaman yang kita tidak ketahui. Contoh yang paling mudah, iaitu botol air mineral. Selain daripada ringan, senang dibawa ke mana-mana dan mudah digunakan dengan berulang kali, ia menjimatkan wang para pengguna apatah lagi di kala kemelesetan ekonomi. Jalan mudah untuk penjimatan adalah menggunakan botol ini berulang kali.

Hal ini adalah kerana botol air mineral diperbuat daripada *Polyethylene Terephthalate* atau lebih sinonim dengan singkatan PET. Bahan ini mempunyai beberapa kekurangan yang boleh memudaratkan kesihatan pengguna apabila digunakan dengan berulang kali, terutama sekali jika terdedah kepada suhu panas. Menurut sejarah, ia digunakan dalam industri pembuatan botol minuman secara meluas selepas dipatenkan pada tahun 1973. Beberapa tahun kemudian, timbul isu bahawa bahan kandungan PET berupaya untuk larut resap ke dalam air mineral dan seterusnya mencemarkan air mineral itu sendiri.

Semua bahan plastik di pasaran sekarang secara asasnya adalah berdasarkan minyak. Dalam proses pembuatan botol air mineral misalnya, peringkat pertama melibatkan proses tindak balas kimia untuk menukarkan petroleum kepada bahan asas dengan menggunakan pemangkin seperti antimoni. Selanjutnya, peringkat kedua pula membabitkan bahan kimia seperti *Dimetil Tereftalat* (DMT) dan *Etilena Glikol* (EG) dengan penggunaan pemangkin tertentu. Kemudian, bahan campuran kimia lain seperti *Di-2-ethyl-Hexyl-Adipate* (DEHA) juga ditambah kepada bahan asas untuk menghasilkan botol mengikut reka bentuk yang dikehendaki.

Antimoni yang digunakan sebenarnya boleh menyebabkan penyakit barah dan sepatutnya tidak digunakan dalam proses membuat botol. Begitu juga dengan penggunaan DEHA yang dikatakan boleh larut resap dalam air, tetapi sehingga kini tiada fakta saintifik untuk menyokong dakwaan itu. Selain itu, dua faktor yang menyebabkan penggunaan botol plastik air mineral secara kerap kali yang membahayakan kesihatan pengguna ialah perubahan sifat kimia akibat haba dan juga kesan penuaan.

PET hanya tahan haba hingga 60 Celsius dan jika lebih tinggi, botol tidak akan cair tetapi menjadi lembut. Walau bagaimanapun, apa yang membimbangkan ialah proses larut resap yang mungkin boleh berlaku. Namun, kenyataan ini juga tiada sokongan dengan bukti saintifik yang kukuh. Dianggarkan juga sejuta burung cedera dan mati setiap tahun kerana termakan dan terjerat beg plastik serta banyak penyu mati akibat termakan beg plastik yang terapung hanyut di permukaan laut yang menyerupai makanan asasi penyu, iaitu ubur-ubur. Plastik-plastik yang dibuang ini tidak akan hancur dalam masa yang singkat kerana jangka hayatnya sangat panjang hingga mencapai lebih kurang 10 abad untuk hancur atau terurai. Selain itu, plastik-plastik yang dibuang juga boleh menyekat pengaliran air sehingga boleh menyebabkan air parit dan sungai membanjiri kawasan berhampiran apabila hujan lebat. Disebabkan oleh faktor tempoh reput yang panjang, maka ia akan memenuhi sebahagian besar dari kawasan tapak pelupusan sampah. Lebih merisaukan lagi, plastik boleh mengeluarkan kompaun toksik dan berbahaya apabila ia reput. Bila ini berlaku, pencemaran tanah, sungai dan sumber air di bawah permukaan tanah tidak mustahil akan terjadi

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia sedang menghadapi cabaran yang besar dalam memastikan pembangunan yang lestari dan mampan. Kualiti udara di bandar, kualiti air sungai, kemusnahan kawasan hutan rimba, sisa buangan isi rumah dan sisa berbahaya merupakan beberapa contoh isu alam sekitar yang dihadapi oleh negara kita (Aini et al

2003). Pencemaran udara terutamanya di bandar telah berlaku melalui pembakaran bahan api fosil dalam proses perindustrian, pengeluaran tenaga dan pengangkutan, pembersihan tanah dan hutan secara pembakaran terbuka serta pembakaran sisa domestik dan industri (Kualiti Hidup Malaysia 2002).

Punca utama pencemaran udara negara yang dikenal pasti adalah kenderaan bermotor. Dianggarkan sejumlah 2 juta tan karbon monoksida, 237,000 tan nitrogen oksida, 111,000 tan hidro karbon, 38,000 tan sulfur dioksida dan 17,000 tan partikulat dilepaskan ke atmosfera kerana pelepasan asap daripada kenderaan bermotor (Laporan Kualiti Alam Sekeliling 1998). Masalah pencemaran alam sekitar yang semakin serius telah mengalihkan gerakan ekologi daripada pinggiran dan meletakkan keprihatinan alam sekitar pada aliran utama (Ottman, 1992).

Di negara barat, gerakan hijau telah menjadi salah satu isu penting dalam kalangan masyarakat sejak dekad yang lalu. Pihak peniaga, kerajaan dan pengguna semakin sedar dan prihatin terhadap isu-isu alam sekitar (Martinsons, et al. 1996). Perkembangan keprihatinan alam sekitar telah mula mengubah sikap dan tingkah laku manusia terhadap alam sekitar. Semakin ramai individu sedar bahawa pembelian dan penggunaan mereka boleh memberi kesan terhadap kualiti alam sekitar.

### **Matlamat dan Hipotesis Kajian**

Objektif kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Pengenalpastian tahap kesedaran dan kefahaman penggunaan hijau di Sabah;
2. Pengenalpastian amalan pengguna hijau di Sabah;
3. Pengenalpastian tanggapan jumlah produk mesra alam di Sabah;
4. Pengenalpastian tahap kesedaran kempen amalan hijau di Sabah dan
5. Pengenalpastian peranan media massa untuk meningkatkannya

Dalam kajian yang dijalankan hipotesis digunakan adalah untuk mengetahui jangkaan atau andaian yang bakal berlaku dalam hasil kajian ini nanti. Iaitu, jawapan bagi hipotesis dalam kajian ini adalah benar atau sebaliknya. Lima hipotesis kajian ini ialah:

1. Kesedaran dan kefahaman kepenggunaan hijau masih rendah dalam kalangan pengguna Sabah mengakibatkan pencemaran alam sekitar berterusan tinggi.
2. Hanya segelintir pengguna di Sabah mengetahui mengenai produk dan servis mesra alam yang terdapat di Sabah mengakibatkan masalah pencemaran.
3. Umumnya produk mesra alam masih belum dapat dikenal pasti oleh pengguna di Sabah mengakibatkan kefahaman dan amalan yang rendah mengenai kepenggunaan hijau.
4. Kempen-kempen kesedaran tentang kepenggunaan hijau di Sabah masih sangat kurang dijalankan mengakibatkan masyarakat masih belum banyak pendedahan mengenai kepenggunaan hijau.
5. Media massa dan komunikasi di Sabah berperanan rendah meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan untuk menjadi pengguna lestari atau pengguna hijau.

### **Sorotan Literatur**

Isu-isu alam sekitar kini sukar untuk diselesaikan kerana aspek pertumbuhan ekonomi dan keperluan penduduk yang semakin bertambah. Sikap dan komitmen individu terhadap alam sekitar memainkan peranan dalam isu ini. Akibatnya kesedaran hanya tinggal kesedaran tanpa ada perubahan dari segi amalan tingkah laku mesra alam sekitar.



Penglibatan individu mahupun pelajar dalam pemuliharaan alam sekitar merupakan satu langkah besar dalam usaha pemuliharaan alam sekitar.

Menurut Roarty (1997), pengguna hijau boleh ditakrifkan sebagai mereka yang mengambil berat tentang alam sekitar dan berusaha untuk membeli produk yang tidak merosakkan alam sekitar. Sikap pengguna didapati mampu mempengaruhi mereka untuk mengamalkan tingkah laku yang mementingkan keselamatan dan kesejahteraan alam sekitar. Sikap pengguna yang positif terhadap alam sekitar menyebabkan mereka akan lebih cenderung untuk tidak membeli produk daripada syarikat yang mencemarkan alam sekitar dan sanggup berkorban untuk mengurangkan pencemaran.

Masyarakat mesti bijak dalam merancang penggunaan alam sekitar agar dapat mengurangkan kerosakan alam kepada tahap yang paling minimum. Banyak kajian meninjau penglibatan masyarakat terhadap alam sekitar terutamanya kepada pelajar di institusi-institusi sama ada institusi kerajaan mahupun swasta. Kebanyakan dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa pengetahuan, sikap dan kesedaran terhadap alam sekitar dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia berada pada tahap yang baik (Zurina & Norjan 2003). Menurut Zurina dan Norjan (2003) walaupun tahap kesedaran terhadap alam sekitar dalam kalangan pelajar adalah pada paras yang tinggi, kesediaan mereka untuk terlibat dalam mengatasi masalah alam sekitar adalah sangat rendah.

Penemuan Zurina dan Norjan (2003) turut disokong oleh Wahida et. al. (2004), yang menyatakan bahawa kesedaran terhadap isu-isu alam sekitar dan kesedaran bahawa alam sekitar perlu dipelihara telah meningkat dalam kalangan masyarakat, tetapi tahap penglibatan individu dalam aktiviti-aktiviti pemeliharaan alam sekitar masih di peringkat yang rendah.

Pada tahun 1970an, keprihatinan terhadap isu alam sekitar semakin meningkat berikutan dengan sebilangan inisiatif perundangan yang dibentuk untuk memperbaiki masalah alam sekitar. Walau bagaimanapun, pelbagai tragedi dan peristiwa berkaitan dengan alam sekitar yang berlaku pada akhir 1980an telah menjadikan isu alam sekitar sebagai tumpuan dunia secara berterusan yang termasuk di Malaysia.

Di Amerika Syarikat, kian ramai masyarakat yang memandang masalah alam sekitar sebagai masalah yang serius, semakin teruk dan mengancam kesejahteraan manusia (Dunlap dan Scarce, 1991). Dalam satu tinjauan yang dijalankan pada tahun 1991, lebih satu per enam orang dewasa yang ditemu bual memilih alam sekitar sebagai isu paling penting yang sedang dihadapi oleh Amerika Syarikat. Walaupun ekonomi masih merupakan pilihan utama orang ramai, semakin banyak individu enggan mengorbankan kualiti alam sekitar untuk keadaan ekonomi yang lebih baik (Ottman, 1992).

Di Malaysia, kajian-kajian awal yang dijalankan di sekitar Kuala Lumpur hingga Petaling Jaya pada tahun 1970an dan 1980an telah menunjukkan masyarakat semakin sedar mengenai kemerosotan kualiti alam sekitar tetapi mereka tidak juga memberikan perhatian yang sewajarnya untuk mengurangkan masalah alam sekitar tersebut. Satu lagi kajian awal yang dijalankan di Pulau Pinang juga menunjukkan hasil kajian yang hampir sama iaitu masyarakat didapati lebih mementingkan isu-isu lain seperti pendidikan, inflasi dan pengangguran berbanding isu alam sekitar (Chelliah, 1983). Hal ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa tahap keprihatinan orang ramai terhadap alam sekitar pada ketika itu adalah sangat rendah.

Satu kajian tentang persepsi masyarakat terhadap produk hijau dalam kalangan pengguna telah dijalankan di pantai timur Semenanjung Malaysia oleh Mohd Rafi et al. (2003). Kajian ini telah mendapati kesedaran dalam kalangan pengguna yang berpendidikan tinggi terhadap produk mesra alam masih berada pada tahap yang rendah. Majoriti responden juga tidak memberi keutamaan kepada produk hijau semasa membuat pembelian. Tambahan juga, majoriti responden tidak bersedia untuk membayar lebih untuk semua produk mesra alam tetapi hanya sanggup berbuat demikian untuk sesetengah

produk hijau. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya persepsi responden terhadap kebaikan produk hijau didapati umumnya positif.

Hasil kajian tersebut adalah selari dengan dapatan kajian oleh Syuhaily dan Ooi (2003) yang dijalankan di sekitar Kuala Lumpur yang mendapati bahawa majoriti responden mereka, iaitu 72% menunjukkan sikap yang positif terhadap produk hijau. Beberapa kajian lagi turut menunjukkan perkaitan antara angkubah demografi pengguna dengan amalan kepenggunaan hijau mereka. Kepesatan pembangunan dan peningkatan kadar urbanisasi di Malaysia telah memberi satu kesan tersembunyi dalam senario masyarakat hari ini iaitu dengan penghasilan sampah sarap domestik yang tinggi. Ini adalah di antara penanda pengamalan penggunaan hijau yang rendah di Malaysia.

### **Kaedah Kajian**

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kuantitatif. Kaedah yang digunakan adalah kaedah tinjauan pendapat dan instrumen kajian adalah borang soal selidik. Kaedah ini dipilih untuk mengetahui tentang kesedaran, kefahaman dan amalan penggunaan hijau dalam kalangan pengguna di Sabah. Dalam borang soal selidik tersebut, responden akan menjawab beberapa soalan dan jawapan tersebut akan dianalisis. Selain itu, melalui soal selidik tersebut, ia digunakan untuk mengukur sejauh mana pengetahuan, kesedaran dan amalan pengguna terhadap kepenggunaan hijau di Sabah.

Jumlah responden dalam kajian ini adalah 500 orang. Responden kajian ini dipilih menggunakan pensampelan secara rawak kelompok di sekitar Sabah. Tujuan sampel yang dipilih adalah untuk memastikan objektif kajian dapat dicapai dengan tepat dan mudah. Pemilihan responden hanya 500 orang sahaja disebabkan masa yang ditetapkan adalah singkat. Selain itu, ia bertujuan agar responden dapat memberikan jawapan yang dikehendaki dalam borang soal selidik yang disediakan.


Borang soal selidik diserahkan di sekitar kawasan Sabah secara berperingkat. Seterusnya borang yang sudah dijawab dengan lengkap akan dikutip semula untuk tujuan dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk yang mudah difahami. Dalam borang soal selidik soalan terbahagi kepada lima bahagian, iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C, bahagian D dan bahagian E. Soalan di bahagian A adalah berkaitan dengan demografi responden seperti jantina, kaum, pekerjaan, lokasi asal dan juga taraf pendidikan. Dalam bahagian B pula, adalah berkaitan dengan pengetahuan responden berkenaan dengan kepenggunaan hijau di Sabah. Manakala bahagian C dan D adalah soalan yang merujuk kepada amalan dan kesedaran responden terhadap kepenggunaan hijau di Sabah. Bahagian terakhir iaitu bahagian E pula merujuk kepada jenis produk mesara alam yang digunakan dan juga yang ada di Sabah. Data-data yang dikumpulkan telah dianalisis dan ditafsirkan melalui penggunaan SPSS (*Statistical Package For Social Sciences*). Seterusnya data yang telah dianalisis akan dipersembahkan dalam bentuk yang mudah difahami seperti graf, jadual kekerapan, carta dan sebagainya.

### **Pentakrifan Konsep dan Teori**

Alam sekitar merupakan segala benda hidup dan bukan hidup yang wujud secara semula jadi di permukaan bumi, atau sebahagian daripadanya. Alam sekitar boleh dipanggil flora dan fauna. Alam sekitar meliputi beberapa komponen utama:

- Unit landskap yang berfungsi sebagai sistem semula jadi tanpa penglibatan manusia, termasuk tumbuh-tumbuhan, haiwan, batu-bata, dan sebagainya, serta fenomena semula jadi yang berlaku.
- Sumber sejagat semula jadi serta fenomena fizikal yang tidak mempunyai batasan tertentu seperti udara, air, dan iklim, serta tenaga, sinaran, cas elektrik, dan kemagnetan, yang tidak wujud hasil daripada aktiviti manusia.

Rajah 1: Teori Pembangunan Ekologi



Sumber : Buttel,2002; Mol,1955; Murphy,2000; Er, 2007, 2009, 2010

Teori Pemodenan Ekologi merupakan aliran ke perpustakaan yang dibangunkan dan sedang membangun sejak 20 tahun lepas (ER, 2009). Kajian terdahulu menunjukkan Teori Pemodenan Ekologi dapat menghasilkan kefahaman terhadap kedinamikan dan mekanisme yang dapat menambah baik pengurusan dan prestasi alam sekitar. Dalam konteks pengurusan dan pentadbiran alam sekitar di negara ini, Teori Pemodenan Ekologi dapat dilaksanakan, terutamanya bagi tujuan menganalisis jaringan pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, agensi swasta atau perindustrian dan masyarakat dalam usaha mengurus alam sekitar dengan berkesan. Rajah 1 menunjukkan jaringan antara seperti agensi kerajaan, agensi swasta atau perindustrian dan masyarakat. Dalam kes ini peranan media massa dalam meningkatkan perlindungan alam sekitar juga harus dikaji.

### Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian yang dapat dilihat di dalam kajian ini adalah terdiri daripada beberapa sudut. Antara aspek kepentingan kajian yang dimaksudkan adalah untuk melihat tahap kesedaran pengguna hijau di Sabah. Aspek ini adalah berkepentingan bagi mengetahui sama ada penduduk di Sabah mempunyai tahap kesedaran yang tinggi tentang pentingnya untuk mengamalkan gaya hidup yang menunjukkan kelestarian khususnya melibatkan alam sekitar. Hal ini demikian kerana, peningkatan dalam kesedaran tentang pengguna hijau amnya dapat membantu dalam meningkatkan nilai kelestarian alam sekitar.

Seterusnya, antara aspek lain yang dilihat dalam konteks kepentingan kajian ini adalah melibatkan jumlah dan jenis produk mesra alam yang terdapat di Sabah. Bilangan produk mesra alam yang kurang boleh mengakibatkan pengguna mengalami kesukaran untuk mendapatkannya. Maka ini secara tidak langsung menyebabkan usaha untuk mempertingkatkan bilangan pengguna hijau akan menjadi semakin sukar justeru mengurangkan bilangannya. Maka, penelitian terhadap aspek ini adalah penting bagi mengetahui sama ada terjadi kekurangan dalam permintaan produk yang mesra alam padah pengguna sendiri atau disebabkan oleh kesukaran untuk mendapatkan produk berkenaan.

Tambahan pula, dengan berlandaskan kajian ini juga secara tidak langsung dapat membantu untuk mengenal pasti amalan pengguna di Sabah mengenai isu pengguna hijau.

Hal ini merupakan antara aspek yang berkepentingan dalam kajian ini. Perkara ini secara amnya dikatakan berkepentingan kerana tanpa pengguna yang mengamalkan kepenggunaan hijau yang tinggi maka ianya secara tidak langsung mengakibatkan alam sekitar akan sentiasa berada dalam keadaan yang membimbangkan jika dibiarkan secara berterusan.

Usaha untuk mengenal pasti keberkesanan kempen amalan hijau di Sabah turut dirujuk sebagai salah satu kepentingan dalam kajian ini. Variasi kempen yang telah dijalankan dan disertai oleh pengguna amnya memberikan impak yang berbeza kepada diri masing-masing. Maka, perbezaan penerimaan ini pasti akan menunjukkan kesan yang berbeza. Oleh itu, penelitian terhadap aspek ini adalah amat penting bagi membuktikan sejauh mana kempen itu memberi kesan terhadap pemikiran dan tingkah laku serta amalan yang dipraktikkan oleh pengguna di Sabah terhadap kepenggunaan hijau. Dalam konteks ini peranan sebaran am atau media massa termasuk media sosial harus dikaji.

### Penemuan Kajian

Rajah 2: Jantina

	<i>Frekuensi</i>	<i>Peratus</i>	<i>Peratusan Sahih</i>	<i>Peratusan Kumulatif</i>
Lelaki	229	45.8	45.8	45.8
Perempuan	271	54.2	54.2	100.0
<b><i>Jumlah Penuh</i></b>	<b>500</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

Berdasarkan Rajah 2 di atas, daripada 500 orang responden yang menjawab soal selidik mengenai "Kesedaran dan Amalan Kepenggunaan Hijau dalam Kalangan Pengguna Sabah" seramai 229 responden adalah lelaki dan selebihnya iaitu 271 orang adalah perempuan yang masing-masing mewakili 45.8% dan 54.2%. Hal ini jelas menunjukkan bahawa perempuan mempunyai tahap kesedaran dan amalan kepenggunaan hijau yang lebih baik daripada lelaki dalam kalangan pengguna di Sabah. Sebenarnya beberapa kajian lain menunjuk penemuan yang sama

Rajah 3: Kaum

	<i>Frekuensi</i>	<i>Peratusan</i>	<i>Peratusan Sahih</i>	<i>Peratusan Kumulatif</i>
Melayu	126	25.2	25.2	25.2
Cina	43	8.6	8.6	33.8
India	19	3.8	3.8	37.6
Bumiputera Sabah	251	50.2	50.2	87.8
Bumiputera Sarawak	25	5.0	5.0	92.8
Lain-Lain	36	7.2	7.2	100.0
<b><i>Jumlah Penuh</i></b>	<b>500</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

Daripada Rajah 3 responden kaum asal Sabah adalah teramai dengan jumlah 251 orang daripada 500 responden atau 50.2%. Manakala kaum India paling rendah bersamaan 19 orang atau 3.8% yang mencerminkan pecahan penduduk Sabah. Seterusnya, pecahan

responden kaum lain terdiri daripada kaum Melayu (25.2%), Cina (8.6%) Bumiputera Sarawak (5%) dan lain-lain (7.2%). Demografi ini berlaku kerana kajian ini dijalankan di Sabah, maka responden daripada pelbagai kaum Bumiputera Sabah lebih mudah ramai.

**Rajah 4: Pekerjaan**

	<i>Frekuensi</i>	<i>Peratus</i>	<i>Peratus Sahih</i>	<i>Peratusan Kumulatif</i>
Penjawat Awam	76	15.2	15.2	15.2
Penjawat Swasta	51	10.2	10.2	25.4
Pelajar	263	52.6	52.6	78.0
Bekerja Sendiri	82	16.4	16.4	94.4
Tidak Bekerja	28	5.6	5.6	100.0
<b><i>Jumlah Penuh</i></b>	<b>500</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	


Berdasarkan Rajah 4 mengenai pekerjaan di atas, responden kebanyakannya adalah pelajar di mana ia mencatatkan bilangan seramai 263 orang bersamaan 52.6% dan diikuti oleh bekerja sendiri (16.4%), penjawat awam (15.2%), penjawat swasta (10.2%) i dan tidak bekerja (5.6%). Kajian ini sengaja melebihi ramaikan pelajar memandangkan mereka ini adalah lebih berpotensi untuk terlibat dalam kepenggunaan hijau dan pengguna lestari.

**Rajah 5 : Lokasi Asal**

	<i>Frekuensi</i>	<i>Peratus</i>	<i>Peratus Sahih</i>	<i>Peratusan Kumulatif</i>
Bandar	224	44.8	44.8	44.8
Pinggir Bandar	93	18.6	18.6	63.4
Kampung	172	34.4	34.4	97.8
Terpencil	11	2.2	2.2	100.0
<b><i>Jumlah Penuh</i></b>	<b>500</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	


Rajah 5 memaparkan lokasi asal responden. Kebanyakan mereka berasal dari bandar di mana ia menunjukkan seramai 224 orang atau 44.8% yang berasal dari bandar. Manakala responden lain berasal dari kampung iaitu 34.4% responden daripada 500 orang kesemuanya. Seramai 18.6% responden dari pinggir bandar dan dari kawasan terpencil seramai 2.2%.

**Rajah 6: Pendidikan**



Rajah 6 menunjukkan peratusan tahap pendidikan responden. Sebanyak 36% responden mempunyai pendidikan sains sosial di universiti. Responden kedua teramai ialah responden yang mempunyai tahap pendidikan pada peringkat sekolah menengah iaitu sebanyak 23%. Jumlah responden paling rendah ialah individu yang mempunyai tahap berpendidikan sekolah rendah. Sebanyak 29% responden merupakan individu yang mempunyai pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah manakala 71% responden dalam kajian ini merupakan pelajar universiti yang boleh dikategorikan individu berpengetahuan tinggi.

**Rajah 7: Kepenggunaan Hijau**



Berdasarkan Rajah 7 sebanyak 53% responden menyatakan bahawa kepenggunaan hijau merujuk kepada aktiviti memilih produk yang mesra alam. Seterusnya sebanyak 39% responden menyatakan bahawa kepenggunaan hijau ialah memilih produk yang tidak memudaratkan alam sekitar. Kepenggunaan hijau merujuk kepada amalan berjimat cermat dan memilih produk yang murah pula mencatatkan peratusan terendah iaitu sebanyak 5% dan 4% sahaja. Penemuan ini menunjukkan bahawa majoriti pengguna di Sabah memahami



bahawa kepenggunaan hijau merupakan amalan memilih produk dan servis yang mesra alam.




Rajah 8 menunjukkan peratusan tahap pengetahuan responden tentang kepenggunaan hijau. Sebanyak 4% peratus responden menyatakan bahawa mereka tidak tahu tentang kepenggunaan hijau. Responden yang menyatakan kurang tahu tentang kepenggunaan hijau mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 56% manakala sebanyak 40% responden pula menyatakan bahawa mereka tahu tentang kepenggunaan hijau ini. Jumlah responden kurang tahu ini sangat tinggi dan menunjukkan bahawa para pengguna di Sabah masih kurang faham tentang kepenggunaan hijau. Ini bererti bahawa pihak media harus mempertingkatkan liputan mengenai alam sekitar serta lebih terlibat di dalam pendidikan alam sekitar yang termasuk membantu semua kempen yang meningkatkan jumlah pengguna mesra alam di Sabah.

Namun begitu, jumlah peratusan responden yang tidak tahu adalah sangat rendah. Iaitu, kurang daripada 10%. Ini menunjukkan bahawa pengguna di Sabah resminya sudah terdedah kepada kepenggunaan hijau. Apa yang diperlukan ialah kempen mengenainya dibanyakkan.

Rajah 9 menunjukkan pendapat responden yang tinggal di Sabah terhadap pengetahuan tentang kempen hijau. Majoritinya, bilangan pengguna Sabah berpendapat bahawa pengetahuan tentang kempen hijau adalah penting bagi mereka. Seramai 393 orang bersamaan dengan 78.6 % responden yang berpendapat bahawa pengetahuan tentang kempen hijau adalah penting. Seramai 62 orang bersamaan dengan 12.4 % responden pula berpendapat bahawa pengetahuan tentang kempen hijau tersebut adalah kurang penting.

Manakala seramai 45 orang bersamaan dengan 9.0 % responden memberikan pandangan bahawa mereka tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Berdasarkan Rajah 9 ia menunjukkan responden lebih ramai menyatakan bahawa pengetahuan tentang kempen hijau adalah begitu penting berbanding yang berpendapat bahawa ia adalah pengetahuan yang kurang penting bagi pengguna di Sabah.

**Rajah 10: Tahap pengetahuan kesedaran kempen hijau di Sabah**



Rajah 10 menunjukkan pendapat responden mengenai tahap pengetahuan kesedaran kempen hijau di Sabah. Majoriti responden berpendapat bahawa tahap pengetahuan kesedaran kempen hijau di Sabah adalah baik. Iaitu, seramai 242 orang atau 48.8% responden yang memberikan jawapan tersebut.

Responden yang memberikan pendapat bahawa kenyataan ini sangat baik adalah seramai 78 orang bersamaan dengan 15.6 % responden sahaja. Manakala bilangan bagi responden yang menyatakan bahawa tahap pengetahuan kesedaran kempen hijau di Sabah begitu kurang baik adalah lebih tinggi berbanding responden yang menyatakan bahawa pernyataan tersebut sangat baik. Bilangan tersebut adalah sebanyak 171 orang bersamaan dengan 34.2 %.

Dalam bilangan 500 orang responden, terdapat sebilangan kecil responden yang mengatakan bahawa tahap pengetahuan kesedaran kempen hijau di Sabah adalah tidak baik. Bilangan tersebut adalah seramai 9 orang bersamaan dengan 1.8 % sahaja. Maka, berdasarkan Rajah 10ia menunjukkan bahawa penerimaan tentang tahap pengetahuan kesedaran kempen hijau di Sabah adalah masih kurang dan memerlukan pihak media massa untuk mempromosikan gaya penggunaan lestari atau mesra alam di Sabah.

**Rajah 11: Adakah pengetahuan tinggi tentang kepenggunaan hijau memberikan kesan positif kepada pengguna**


	<i>Frekuensi</i>	<i>Peratus</i>	<i>Peratus Sahih</i>	<i>Peratus Kumulatif</i>
Ya	474	94.8	94.8	94.8
Tidak	26	5.2	5.2	100.0
<i>Total</i>	500	100.0	100.0	

Rajah 11 di atas menunjukkan pendapat responden mengenai soalan iaitu adakah pengetahuan tinggi tentang kepenggunaan hijau memberikan kesan positif kepada pengguna di Sabah. Pilihan jawapan yang disediakan kepada responden adalah berbentuk

pendapat sama ada 'Ya' ataupun 'Tidak'. Majoritinya, bilangan pengguna di Sabah berpendapat bahawa pengetahuan yang tinggi tentang kepenggunaan hijau memberikan kesan positif kepada pengguna dengan memberikan jawapan 'Ya' berbanding dengan bilangan yang begitu kecil memberikan jawapan 'Tidak'.

Seramai 474 orang bersamaan dengan 94.8 % responden yang memberikan jawapan 'Ya' terhadap soalan ini. Manakala jumlah kecil yang memberikan jawapan 'Tidak' adalah seramai 26 orang bersamaan dengan 5.2 % sahaja yang mengatakan 'Tidak' dengan persoalan tersebut. Berdasarkan Rajah 11 ia menunjukkan responden lebih ramai menyatakan bahawa pengetahuan yang tinggi tentang kepenggunaan hijau memberikan kesan positif kepada pengguna berbanding dengan yang berpendapat bahawa pernyataan tersebut adalah tidak memberikan kesan yang positif kepada pengguna di Sabah. Logikinya ialah lebih ramai pengguna di Sabah mengetahui mengenai faedah mengamalkan kepenggunaan hijau kian selamat alam sekitar dan semakin sejahtera kehidupan rakyat melalui alam sekitar yang sihat dan selamat.

**Rajah 12: Saya mengetahui amalan kepenggunaan hijau melalui -**



Rajah 12 menunjukkan peratusan responden mengetahui mengenai amalan kepenggunaan hijau. Seramai 145 responden atau 29% menyatakan mereka mengetahui amalan kepenggunaan hijau melalui medium lain selain media tradisional atau media perdana, keluarga dan rakan. Seramai 136 responden atau 27.2% menyatakan mereka mengetahui amalan kepenggunaan hijau melalui media tradisional, 115 responden atau 23% melalui rakan dan 104 responden atau 20.8% adalah melalui keluarga. Apa yang dibayangkan ialah kian ramai responden mendapat maklumat mengenai kepenggunaan hijau melalui internet atau media sosial. Semua organisasi yang terlibat dalam kempen kepenggunaan hijau harus meningkatkan penggunaan internet kerana ia bukan sahaja menarik dan berleluasa tetapi juga interaktif atau bersifat komunikasi dua-hala. Lazimnya, perhubungan dua-hala adalah lebih diyakini daripada yang bersifat sehalu yang mudah dilabel sebagai propaganda.

**Rajah 13: Tahun mengetahui mengenai penggunaan hijau**

	<i>Frekuensi</i>	<i>Peratus</i>	<i>Peratus Sahih</i>	<i>Peratus Kumulatif</i>
1980-1986	2	.4	.4	.4
1987-1992	9	1.8	1.8	2.2
1993-1998	12	2.4	2.4	4.6
1999-2004	58	11.6	11.6	16.2
2005-2010	219	43.8	43.8	60.0
2011-2016	200	40.0	40.0	100.0
<i>Jumlah Penuh</i>	500	100.0	100.0	

Rajah 13 menunjukkan tahun responden mengetahui tentang kepenggunaan hijau. Nilai peratusan tertinggi ialah pada tahun 2005-2010 di mana peratusannya sebanyak 43.8%. Seterusnya, sebanyak 40% responden yang mengetahui tentang kepenggunaan hijau pada tahun 2011-2016. Sebanyak 11.6% pada tahun 1999-2004, 2.4% pada tahun 1993-1998, 1.8% pada tahun 1987-1992 dan 0.4% pada tahun 1980-1986. Penemuan kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran mengenai kepenggunaan hijau mula berkembang pesat di antara tahun 2005-2010. Bagaimanapun, tidak dapat dikesan mengapa kepenggunaan hijau laju berkembang pada tempoh berkenaan. Boleh diandaikan ketika itu para pengguna kian terdidik dan terdedah kepada pelbagai sumber maklumat yang termasuk internet yang juga mula maju dan melebar ketika itu.

**Rajah 14: Tahap amalan kepenggunaan hijau di Sabah ialah**

	<i>Frekuensi</i>	<i>Peratus</i>	<i>Peratusan Sahih</i>	<i>Peratusan Kumulatif</i>
Tinggi	44	8.8	8.8	8.8
Sederhana	385	77.0	77.0	85.8
Rendah	71	14.2	14.2	100.0
<i>Jumlah Penuh</i>	500	100.0	100.0	

Rajah 14 menunjukkan peratus tahap amalan kepenggunaan hijau di Sabah. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti penduduk di Sabah mempunyai tahap amalan kepenggunaan hijau yang sederhana di mana peratusannya ialah 77%. Hanya 8.8% responden di Sabah yang mempunyai tahap amalan kepenggunaan hijau yang tinggi dan 14.2% menyatakan bahawa tahap amalan kepenggunaan hijau mereka rendah. Adalah jelas bagi membaiki keadaan ini lebih banyak kempen kepenggunaan hijau perlu diadakan manakala media massa yang termasuk media sosial harus dirangsang untuk bukan sahaja menyokong kempen tersebut tetapi turut mengambil inisiatif bagi mendidik pengguna untuk mesra alam.

**Rajah 15: Tahap amalan kepenggunaan hijau anda ialah**


	<i>Frekuensi</i>	<i>Peratus</i>	<i>Peratus Sahih</i>	<i>Peratus Kumulatif</i>
Tinggi	64	12.8	12.8	12.8
Sederhana	380	76.0	76.0	88.8
Rendah	56	11.2	11.2	100.0
<b><i>Jumlah Penuh</i></b>	<b>500</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

Rajah 15 menunjukkan peratus tahap amalan kepenggunaan hijau responden di Sabah. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti responden di Sabah mempunyai tahap amalan kepenggunaan hijau yang sederhana iaitu sebanyak 380 responden mengaku mengamalkan kepenggunaan hijau di mana peratusannya ialah 76%. Hanya 12.8% responden di Sabah yang mempunyai tahap amalan kepenggunaan hijau yang tinggi dan 11.2% menyatakan bahawa tahap amalan kepenggunaan hijau mereka rendah. Adalah jelas bahawa umumnya pengguna di Sabah menyokong kepenggunaan hijau. Turut nyata adalah mereka memerlukan maklumat bagi menyokong idaman mereka untuk menjadi pengguna hijau. Setakat ini pihak media yang termasuk dari internet belum lagi bergiat aktif atau digunakan secara berkesan untuk memajukan kepenggunaan hijau di Sabah.

**Rajah 16: Anda akan membeli produk hijau walaupun lebih mahal**

	<i>Frekuensi</i>	<i>Peratus</i>	<i>Peratus Sahih</i>	<i>Peratus Kumulatif</i>
Ya	218	43.6	43.6	43.6
Tidak	282	56.4	56.4	100.0
<b><i>Jumlah Penuh</i></b>	<b>500</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

Rajah 16 menunjukkan pendapat daripada 500 responden mengenai pembelian produk hijau walaupun harganya lumrahnya lebih mahal. Penemuan kajian menunjukkan majoriti kecil responden menyatakan 'Tidak' membeli produk hijau jika harganya lebih mahal daripada keluaran biasa. Hal ini demikian kerana produk mesra alam lumrahnya dianggap lebih mahal. Sebanyak 282 responden iaitu bersamaan dengan 56.4% menyatakan 'Tidak' membeli produk hijau manakala hanya 218 responden iaitu bersamaan dengan 43.6% menyatakan 'Ya'. Maka, hal ini jelas menunjukkan apabila sesuatu produk hijau dijual dengan harga pasaran yang lebih mahal ia akan menyebabkan responden atau pengguna berfikir panjang untuk membeli barang tersebut. Adalah jelas usaha harus dibuat bagi memastikan barangan bersifat mesra alam tidak terlalu mahal di jual di Sabah. Pihak pengeluar dan pengimport perlu dibantu untuk membanyakkan barangan mesra alam serta proses pembuatan dan pembuangan yang tidak memudaratkan alam sekitar.



Rajah 17 menunjukkan bahawa seramai 253 atau 50.6% daripada 500 responden yang menyatakan bahawa sukar untuk mereka mendapatkan produk mesra alam di Sabah manakala sebanyak 247 responden atau 49.4% yang menyatakan bahawa mudah untuk mereka mendapatkan produk mesra alam di Sabah. Maka, penemuan ini jelas menunjukkan bahawa untuk memperoleh produk mesra alam di Sabah adalah sukar bagi 50.6% pengguna di Sabah. Ini adalah jumlah pengguna yang ramai yang merasa kesukaran mendapatkan produk mesra alam. Dalam konteks ini mungkin ada juga pengguna yang tidak memahami sebenarnya apa yang dimaksudkan sebagai produk mesra alam atau yang memiliki label "eco-friendly". Usaha perlu dipertingkatkan untuk mempromosikan produk mesra alam di Sabah bukan sahaja kepada pengguna tetapi juga kepada peniaga, pengeluar dan pengimport.

**Rajah 18: Mudah mengetahui produk mesra alam**

	<i>Frekuensi</i>	<i>Peratusan</i>	<i>Peratusan Sahih</i>	<i>Peratusan Kumulatif</i>
Sukar	251	50.2	50.2	50.2
Mudah	249	49.8	49.8	100.0
<i>Jumlah Penuh</i>	500	100.0	100.0	

Rajah 18 menunjukkan maklum balas responden mengenai pengesanan produk mesra alam. Seramai 251 orang atau 50.2% daripada 500 orang responden telah memberikan maklum balas 'sukar' untuk mengenal pasti produk mesra alam. Ini berlaku kerana tidak banyak maklumat mengenai produk mesra alam yang sedia ada dalam pasaran dan responden tidak mahir mencarinya. Maka, adalah disarankan pihak berkenaan yang termasuk pergerakan pengguna meningkatkan lagi kempen kepenggunaan hijau serta mempromosikan produk dan servis mesra alam. Ini termasuk memajukan setiap kegiatan yang berkaitannya.

Baki responden, iaitu seramai 249 orang atau 49.8% responden menjawab 'mudah'. Ini mungkin kerana mereka lebih mahir mencari maklumat mengenai produk mesra alam dan memiliki pembekal kekal bagi membeli barangan hijau. Kini, banyak produk boleh dibeli melalui atas talian daripada pasaran tempatan dan global.



**Rajah 19: Produk mesra alam lazimnya didapati di**

	<i>Frekuensi</i>	<i>Peratusan</i>	<i>Peratusan Sahih</i>	<i>Peratusan Kumulatif</i>
Pasar Raya	337	67.4	67.4	67.4
Tamu	98	19.6	19.6	87.0
Kedai Runcit	37	7.4	7.4	94.4
Lain-Lain	28	5.6	5.6	100.0
<b><i>Jumlah Penuh</i></b>	<b>500</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

Rajah 19 menunjukkan bahawa seramai 337 orang atau 67.4% daripada 500 responden menyatakan mereka memperoleh produk mesra alam daripada pasar raya. Lumrahnya, hanya mereka di bandar yang lebih memiliki pasar raya dan di luar bandar sukar mencarinya. Ini dituruti oleh 19.6% responden yang menjawab bahawa mereka lazimnya mendapatkan barangan mesra alam daripada tamu atau pasar tani tempatan. Seramai 7.4% responden menyebut kedai runcit dan baki 5.6% menyatakan di mana sahaja.

Di sini perlu disarankan bahawa pihak berkuasa atau yang berkenaan seperti pergerakan pengguna atau alam sekitar seharusnya menubuhkan suatu rangkaian kedai yang khusus menjual produk mesra alam. Pula, pihak kerajaan memberi taraf bebas cukai kepadanya. Ini bagi memastikan bahawa produk hijau mampu dibeli oleh sebilangan besar pengguna di Malaysia. Juga, dicadangkan bahawa kedai produk mesra alam ini di buka di mana sahaja bagi memudahkan pengguna Malaysia dan khususnya di Sabah untuk menikmatinya demi perlindungan alam sekitar. Ini adalah satu kaedah berkesan bagi pengguna untuk mengamalkan kehidupan lestari dan mesra alam.

**Rajah 20: Produk mesra alam**

	<i>Frekuensi</i>	<i>Peratusan</i>	<i>Peratusan Sahih</i>	<i>Peratusan Kumulatif</i>
Beg Kertas	126	25.2	25.2	25.2
Surat Khabar	81	16.2	16.2	41.4
Kenderaan Awam Mesra Alam	14	2.8	2.8	44.2
Produk Organik	5	1.0	1.0	45.2
Lain-Lain	115	23.0	23.0	68.2
NR (Tiada respons)	159	31.8	31.8	100.0
<b><i>Jumlah Penuh</i></b>	<b>500</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	

Rajah 20 menunjukkan bahawa 25.2% daripada 500 responden menyatakan beg kertas adalah produk mesra alam yang mereka sering gunakan dalam kehidupan seharian. Sementara itu, 16.2% responden menyatakan surat khabar adalah produk mesra alam yang sering mereka gunakan. Seramai 2.8% responden menyatakan mereka menggunakan kenderaan awam mesra alam yang menjadi produk atau servis mesra alam yang sering mereka gunakan. Seramai 5 orang atau 1% menyatakan produk organik selaku barangan mesra alam yang mereka gunakan. Besar kemungkinan ini terjadi disebabkan oleh terdapatnya beberapa tempat jual dan beli berhampiran dengan mereka yang menggunakan kertas seperti di McDonald, KFC dan pelbagai lagi tempat di sekitar mereka. Sementara hanya 1% menyatakan produk organik sebagai produk mesra alam yang sering mereka gunakan. Hal ini juga besar kemungkinan melibatkan penggunaan baja organik mahupun

apa sahaja bentuk produk organik yang digunakan dalam penanaman dan perladangan untuk tujuan sama ada secara komersial ataupun secara kecil-kecilan.

Responden yang menyatakan produk mesra alam sebagai lain-lain adalah seramai 23% dan yang tiada memberi sebarang jawapan ialah 31.8%. Keadaan ini boleh dirumuskan sebagai disebabkan oleh para pengguna di Sabah masih ramai yang belum jelas atau masih kabur mengenai produk mesra alam dan kepenggunaan hijau. Maka, semua pihak berkenaan yang termasuk jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan serta badan-badan bukan kerajaan atau pergerakan kepentingan awam seperti persatuan pengguna dan alam sekitar perlu bekerjasama untuk mempopularkan barangan mesra alam dan lebih penting gaya hidup sederhana dan sihat. Jika ramai pengguna Malaysia mengamalkan gaya hidup lagak atau mewah maka kesejahteraan negara dan alam sekitar memang cepat terancam.

**Rajah21: Pernah terdedah kepada kepenggunaan hijau**

	<i>Frekuensi</i>	<i>Peratusan</i>	<i>Peratusan Sahih</i>	<i>Peratusan Kumulatif</i>
Tidak	282	56.4	56.4	56.4
Kempen Kesedaran Alam Sekitar	125	25.0	25.0	81.4
Kempen Kitar Semula	38	7.6	7.6	89.0
Kempen Hari Tanpa Plastik	17	3.4	3.4	92.4
Kempen Pengguna Hijau	18	3.6	3.6	96.0
Kempen Earth Hour	20	4.0	4.0	100.0
<b>Jumlah Penuh</b>	500	100.0	100.0	

Rajah 21 menunjukkan bahawa seramai 282 responden atau 56.4% menyatakan mereka tidak pernah terdedah kepada mana-mana kempen tentang kepenggunaan hijau. Manakala, sebanyak 25% responden menyatakan mereka pernah terdedah kepada kepenggunaan hijau melalui kempen kesedaran alam sekitar. Seterusnya, seramai 38 responden telah menyertai kempen kitar semula dan mendapat pendedahan mengenai kepenggunaan hijau. Selain itu, kempen hari tanpa plastik pula, telah disertai seramai 17 orang atau 3.4% responden. Sebanyak 3.6% responden pula telah mengikuti kempen pengguna hijau dan seramai 4% responden mengakui menyertai kempen 'earth hour'.


Penemuan ini membayangkan bahawa kefahaman dan amalan kepenggunaan hijau di Sabah perlu dipertingkatkan jika mahu melindungi kesejahteraan alam sekitar secara lestari. Pelbagai kempen yang berkaitan dengan kepenggunaan hijau seperti kempen kitar semula, kempen hari tanpa plastik, gotong-royong kebersihan, hari tanam pokok dan sebagainya bukan hanya harus diperbanyakkan tetapi perlu lebih kreatif dan menarik. Pihak media massa termasuk internet perlu dilibatkan supaya penerimaan serta penglibatan terhadap kempen-kempen kepenggunaan hijau yang diadakan akan disambut bersungguh-sungguh dan meriah.

**Rajah 22: Menyokong gerakan kepenggunaan hijau**

	<i>Frekuensi</i>	<i>Peratusan</i>	<i>Peratusan Sahih</i>	<i>Peratusan Kumulatif</i>
Ya	476	95.2	95.2	95.2
Tidak	24	4.8	4.8	100.0
<b>Jumlah Penuh</b>	500	100.0	100.0	

Rajah 22 membuktikan bahawa seramai 476 responden atau 95.2% menyokong gerakan kepenggunaan hijau. Ini menunjukkan bahawa sepatutnya setiap kempen kepenggunaan hijau alam perlindungan alam sekitar seharusnya mendapatkan sambutan yang hebat. Bagaimanapun, penemuan kajian ini lazimnya mendapati bahawa sambutan terhadap kempen-kempen berkaitan kepenggunaan hijau adalah tidak begitu memberangsangkan. Kajian harus dibuat untuk mengetahui mengapa ini berlaku. Bakinya, sebanyak 4.8 peratus responden menjawab 'Tidak' menyokong gerakan kepenggunaan hijau juga perlu ditinjau mengapa mereka bersifat negatif terhadap kepenggunaan hijau. Langkah-langkah perlu diambil bagi memastikan bahawa setiap pengguna memahami kepentingan mengamalkan kepenggunaan hijau demi kesejahteraan bumi ini yang menentukan kehidupan setiap makhluk di dunia ini. Ini termasuk beberapa perundangan seperti pelabelan barangan mesra alam, denda pembuangan sampah merata, melarang penggunaan plastik musuh alam dan sebagainya.

**Rajah 23: Pandangan terhadap kepenggunaan hijau di Sabah**



Rajah 23 menunjukkan bahawa sebanyak 77% responden memberikan pandangan yang 'positif' terhadap tahap amalan kepenggunaan hijau di Sabah. Seterusnya, seramai 10.4% responden memberikan pendapat yang 'negatif' mengenainya. Baki 12.6% responden menyatakan 'berkecuali'. Penemuan ini menggambarkan bahawa masih ramai pengguna di Sabah yang tidak memahami sepenuhnya mengenai kepenggunaan hijau atau mereka bersifat tidak kisah terhadap kesejahteraan alam sekitar ataupun langsung tidak peduli apa yang berlaku di keliling mereka kerana itulah wataknya. Ini bererti banyak kempen kepenggunaan perlu dilaksanakan secara berterusan dengan bantuan media massa yang termasuk internet.

**Rajah 24: Akan meningkatkan pengetahuan kepenggunaan hijau**



Rajah 24 menunjukkan sebanyak 477 orang atau 95.4% menyatakan 'Ya' kempen-kempen dan liputan media yang berterusan akan meningkatkan pengetahuan mereka mengenai kepenggunaan hijau. Ini bermakna bahawa perlunya untuk memaparkan kempen-kempen kepenggunaan serta membuatnya lebih kreatif dan menarik melalui setiap saluran yang mampu sampai kepada semua tanpa mengira di mana mereka berada.

Sebaliknya, sebanyak 4.6% responden menyatakan kempen-kempen berkenaan 'Tidak' akan meningkatkan pengetahuan kepenggunaan hijau di kalangan mereka. Seperti yang telah dicadangkan kajian perlu dibuat bagi mengetahui mengapa mereka bersikap sedemikian memandangkan bahawa alam sekitar yang sakit sudah pasti membawa padah yang teruk terhadap setiap makhluk di bumi ini. Dicadangkan bahawa kempen kepenggunaan hijau yang khusus dibuat bagi manusia seperti mereka ini memandangkan kesejahteraan alam sekitar adalah tanggungjawab semua manusia.

**Rajah 25:: Adakah anda akan menjadi ahli dalam kepenggunaan hijau**

	<i>Frekuensi</i>	<i>Peratusan</i>	<i>Peratusan Sahih</i>	<i>Peratusan Kumulatif</i>
Ya	430	86.0	86.0	86.0
Tidak	70	14.0	14.0	100.0
<b>Jumlah Penuh</b>	500	100.0	100.0	

Rajah 25 menunjukkan seramai 86% responden mengaku akan menjadi ahli dalam kepenggunaan hijau. Ini adalah suatu penemuan yang positif di mana aktivis pengguna dan alam sekitar perlu mengambil kesempatan untuk menarik lebih ramai ahli untuk bergiat dalam kegiatan kepenggunaan hijau. Ini bererti lebih banyak kempen kepenggunaan hijau dan kegiatan-kegiatan bersesuaian perlu dilaksanakan bagi menarik mereka menjadi ahli yang aktif. Dengan lebih ramai ahli sudah tentu pergerakan pengguna dan alam sekitar akan mampu bergerak dengan lebih berkesan.

Bagi baki 14% responden yang enggan terlibat dalam pergerakan kepenggunaan hijau perlu diketahui mengapa mereka bersikap sedemikian. Kaedah-kaedah kreatif perlu

diadakan bagi memujuk mereka untuk terlibat dalam kegiatan-kegiatan kepenggunaan hijau.

### **Rumusan**

Penemuan bagi matlamat pertama kajian ialah tahap kesedaran dan kefahaman pengguna di Sabah terhadap penggunaan hijau adalah sederhana. Ini adalah lebih baik daripada hipotesis pertama kajian yang menyatakan kesedaran dan kefahaman mengenai kepenggunaan hijau adalah masih rendah. Bagaimanapun, perlu ditegaskan ia adalah di tahap yang baik memandangkan pengguna di Sabah menghadapi banyak cabaran yang termasuk kekurangan pelbagai prasarana. Juga, 77% responden menyatakan mereka menyokong kepenggunaan hijau dan 86% mengaku akan menjadi ahli pergerakan alam sekitar sekira diminta. Namun begitu, banyak perlu dibuat bagi meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman mengenai kepenggunaan hijau.

Penemuan bagi matlamat kedua kajian ialah amalan kepenggunaan hijau di Sabah adalah juga sederhana seperti yang didapati bagi kesedaran dan kefahaman mereka. Namun, ia adalah lebih daripada yang disangka, iaitu di tahap yang lebih rendah. Penemuan ini terjadi adalah kerana hampir setengah responden adalah kaum muda dan berpendidikan ke taraf institut pengajian tinggi.

Mengenai matlamat dan hipotesis yang berkaitan dengan produk dan servis mesra alam kajian turut mendapati ia adalah juga di tahap sederhana. Andaiannya ialah pengguna di Sabah hampir jahil mengenainya. Bagaimanapun, hampir setengah responden merasakan tidak sukar mendapati produk mesra alam walaupun lebih 60% di antara mereka menyatakan barangan hijau berkenaan boleh dibeli di pasar raya. Umumnya, sejumlah besar responden menyatakan mereka tidak bermasalah untuk mengenal pasti produk mesra alam di Sabah.

Kesedaran responden terhadap kempen-kempen kepenggunaan hijau adalah sederhana walaupun penglibatan mereka adalah rendah. Namun begitu, penemuan kajian membuktikan bahawa sebilangan besar daripada mereka menunjuk minat untuk terlibat dalam pergerakan kepenggunaan hijau. Ini Rumusannya ialah kempen kesedaran tentang kepenggunaan hijau di Sabah masih sangat kurang dijalankan dan tidak begitu berkesan sehingga mengakibatkan pengguna-pengguna di Sabah masih belum banyak pendedahan mengenai kepenggunaan hijau dan ini dicerminkan dalam pengamalannya yang boleh dirumuskan di tahap sederhana.

Memburukkan lagi keadaan ialah media massa di Sabah kurang memberi penekanan terhadap membina kesedaran, kefahaman dan pengamalan kepenggunaan hijau di negeri di bawah bayu. Pihak media massa lebih cenderung kepada hanya memberi liputan bila ada acara berkaitan kepenggunaan hijau dan jarang mengambil inisiatif untuk mengerakkannya. Namun begitu, perlu diakui bahawa pihak media massa, khususnya yang bersifat perdana lazimnya memberi kerjasama kepada kempen-kempen kepenggunaan hijau.

Dalam kajian ini Teori Pembangunan Ekologi adalah sesuai untuk mengenal pasti peranan kerajaan, industri dan masyarakat dalam meningkatkan amalan kepenggunaan hijau di Sabah adalah sesuai. Hanya, dalam kajian ini kaitan tiga pihak berkenaan tidak nampak jelas. Seharusnya, ketiga-tiga pihak harus bekerjasama bagi meningkatkan amalan kepenggunaan hijau. Pula, peranan pihak media massa dan pergerakan kepentingan awam seperti persatuan pengguna dan alam sekitar juga perlu diambil kira, dicanangkan serta dirangsangkan. Dicanangkan bahawa Teori Pembangunan Ekologi menambah dua pihak lagi dalam kumpulan yang mampu membantu untuk meningkatkan perasaan cintakan alam sekitar. Boleh juga disarankan teori baru iaitu Teori Pembangunan dan Komunikasi Ekologi yang akan bersifat lebih holistik dalam memajukan budaya kepenggunaan hijau.

Setakat ini, pihak kerajaan telah bertindak untuk meningkatkan pengamalan kepenggunaan hijau. Iaitu, daripada perubahan dasar dan perundangan, penilaian kesan alam sekitar dan

sosial, galakan insentif industri teknologi hijau dan pendidikan pengguna. Namun begitu, kesannya masih rendah. Pihak industri pun berusaha meningkatkan tanggungjawab sosial dan masyarakat di Sabah pun kian mengamalkan kepenggunaan hijau. Ini dirumuskan telah membantu meningkatkan amalan kepenggunaan hijau di Sabah. Pula, dipohon pergerakan rakyat dan media massa turut menyumbangkan kepakaran dan pengalaman mereka untuk menjadikan kepenggunaan hijau sebagai budaya hidup masyarakat di Sabah.

### **Cadangan Tambahan Meningkatkan Kepenggunaan Hijau**

Adalah dicadangkan agar kurikulum di peringkat sekolah rendah mahupun menengah pada masa hadapan diterapkan dengan pendidikan alam sekitar. Pendidikan pada peringkat awal ini adalah amat penting untuk membentuk tingkah laku individu apabila dewasa kelak. Dalam aspek ini, guru memainkan peranan penting untuk membimbing dan menggalakkan generasi muda supaya mengamalkan cara hidup yang lestari atau mesra alam.

Pihak kerajaan juga perlu mempergiatkan lagi kempen untuk mendidik masyarakat umum mengenai kepentingan amalan kepenggunaan hijau melalui pelbagai saluran seperti surat khabar, televisyen, radio dan pameran. Kempen sedemikian harus dipergiatkan di seluruh negara supaya para pengguna sedar bahawa tingkah laku pembelian dan amalan kepenggunaan hijau mereka akan membawa impak yang besar kepada alam sekitar.

Selain kempen kitar semula yang telah dianjurkan, pihak kerajaan juga boleh menganjurkan kempen-kempen lain yang memberi tumpuan kepada amalan mengurangkan penggunaan, guna semula dan pengitaran serta pengetahuan mengenai produk mesra alam.

Di samping itu, pihak peniaga juga perlu mempromosikan produk hijau dengan lebih giat melalui media massa terutama media cetak dan elektronik. Harga yang dipromosikan hendaklah berpatutan dengan kehendak pengguna. Kedua-dua jenis media ini telah dikenal pasti sebagai sumber maklumat utama tentang produk hijau dalam kalangan pengguna dalam kajian ini.

Maka, pengiklanan produk hijau melalui surat khabar atau majalah dan televisyen boleh membantu menyebarkan maklumat tentang produk ini dan ciri-cirinya kepada orang ramai dengan lebih berkesan. Pada masa yang sama, promosi produk ini juga boleh memberi tumpuan kepada kumpulan sasaran tertentu berdasarkan profil pengguna yang mengamalkan amalan kepenggunaan hijau yang telah dikenal pasti dalam kajian.

Kesimpulannya, kempen kesedaran dan pengamalan kepenggunaan hijau ini harus dipupuk sejak kecil lagi. Jangan sudah menjadi buluh baru hendak dilenturkan. Kesedaran ini tidak terletak kepada seseorang individu sahaja. Ia merupakan tindakan semua orang. Semua pihak harus memainkan peranan dalam menjayakan kesedaran ini. Ini termasuklah setiap individu, kerajaan, perniagaan, pertubuhan kepentingan awam dan media massa. Maka, bersamalah kita memupuk kesedaran amalan hijau demi kelestarian bumi kita serta setiap makhluk di dunia ini.



### Rujukan

- A. Bayley, T. Strange, 2008. ***Sustainable development. Linking economy, society, environment.*** OECD INSIGHT.
- A. P. J. Mol, G. Spaargaren, 2008. ***Greening global consumption: Redefining politics and Authority.*** Global Environmental Change, vol. 18, pp. 350–359, ELSEVIER.
- D. C. Pinto, M. M. Herter, P. Rossi, A. Borges, 2014, ***Going green for self or for others? Gender and identity salience effects on sustainable consumption.*** International Journal of Consumer Studies, vol. 38, pp. 540-549.
- E. Olli, G. Grendstad, D. Wollebaek, 2001. ***Correlates of environmental behaviors: Bringing back social context.*** Environment and Behavior, vol. 33, no. 2, pp. 181–208.
- G. Bertoli, M. Bonera, A. Codini, E. Corvi, G. Miniero, 2014. ***Being green: from attitude to actual consumption.*** International Journal of Consumer Studies, vol. 38, pp. 521-528.
- G. Seyfang, 2007. ***Growing sustainable consumption communities, The case of local Organic food networks,*** International Journal of Sociology and social policy, vol. 27, 2007, pp. 120–134.
- J. Connolly, A. Prothero, 2008. ***Green consumption: life-politics, risk and contradictions.*** Journal of consumer culture, vol. 8, pp. 117-145
- J. Moisander, S. Pesonen, 2002. ***Narrative of sustainable ways of living: constructing the self and the other as a green consumer.*** Management Decision, Volume 40, pp. 329–342.
- K. Haws, R. Walker Naylor, K. Page Winterich, 2013. ***Seeing the world through GREEN-tinted Glasses: Green Consumption Values and Responses to Environmentally Friendly Products.*** Journal of Consumer Psychology.
- L. Steg, C. Vlek, 2009. ***Encouraging pro-environmental behaviour: An integrative review and research agenda.*** Journal of Environmental Psychology, vol. 29, pp. 309–317.
- M. Ertz, F. Karakas, E. Sarigollu, 2016. ***Exploring pro-environmental behaviors of consumers: An analysis of contextual factors, attitude, and behaviors.*** Journal of business research, vol. 69, no. 10, pp. 3971-3980
- Mohd Hamdan Adnan. 1990. ***Perlindungan Pengguna dan Amalan Perniagaan.*** Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hamdan Adnan. 1994. ***Konsep Asas Kepenggunaan.*** Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hamdan Adnan. 2000. ***Memahami Kepenggunaan.*** Gabungan Persatuan Pengguna Pengguna Malaysia (FOMCA): Percetakan T.S. (M) Sdn Bhd.

- P. C. Stern, 2000. ***Toward a coherent theory of environmentally significant behavior***. Journal Of Social Issues, vol. 53, no.3, pp. 407-424.
- R. Elliott, 2013. ***The taste for green: the possibilities and dynamics of status differentiation through "green" consumption***. Sci Verse ScienceDirect, ELSEVIER, vol. 41, pp. 294-322
- R. Sassatelli, 2007. ***Consumer culture. History, theory and politics***. SAGE Publications
- Roarty, M. (1997). Greening Business In A Market Economy. European Business Review.
- Seow Ta Wee, Md Jahi, J. & Mat Radzuan, I.S. (2004). Tingkah Laku Masyarakat Terhadap Program Kitar Semula: Kajian Kes di Daerah Batu Pahat. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Seow Ta Wee. (2003). Pengurusan Sisa Pepejal di Malaysia. Jilid 2. Parit Raja: KUiTTHO.
- Siti Rohani, J. (2013). Kesedaran Teknologi Hijau Dalam Kalangan Warga Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tesis Sarjana, UTHM.
- Straughan, R. D. dan Roberts, J. A. (1999). Environmental Segmentation Alternatives: A Look At Green Consumer Behavior In The New Millennium. Diakses pada 08 Disember 2016.
- Suratman, Robiah (2003) Pengurusan Alam Sekitar Dan EIA. Documentation. Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi, Fakulti Kejuruteraan Dan Sains Geoinformasi.
- .